

# Membandarkan kawasan Wilayah Felda

UM-13/9/2006

Oleh NAZRULLAH ROSLI  
(WARTAWAN UTUSAN)

PELANCARAN Felda Jaya Timur di Mempaga oleh Datuk Seri Najib Tun Razak kelmarin menjanjikan masa depan yang cerah kepada seluruh warga peneroka berikutan usaha kerajaan membandarkan wilayah-wilayah Felda di negara ini.

Manakan tidak menjelang 2010, sebanyak 10 buah lagi pusat pertumbuhan berkonsepkan Felda Jaya akan diwujudkan di 10 Wilayah Felda di seluruh negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika mengumumkan perkara itu memberi jaminan bahawa semua Wilayah Felda itu nanti akan mempunyai bandar Felda Jaya Wilayah.

Setakat ini, selain Mempaga, Felda Jaya lain yang siap dibina ialah Felda Jaya Utara, Trolak di Perak dan Gugusan Raja Alias di Negeri Sembilan, manakala buat permulaan, Felda Jaya bagi Wilayah Felda Kuantan di Chini yang membabitkan kawasan seluas 118 hektar akan dilaksanakan.

Kesungguhan kerajaan membangun kawasan Felda terbukti apabila sebanyak RM672 juta diperuntukkan untuk pembangunan 278 tanah rancangan bagi tempoh lima tahun akan datang.

Usaha itu bukan sahaja memberi harapan, peluang dan masa depan gemilang kepada 112,775 peneroka dan generasi ketiga Felda di seluruh negara, tetapi juga untuk melihat kewujudan pusat pertum-

buhan baru berkonsepkan bandar moden di luar bandar khususnya di kawasan Felda.

Konsep bersepadu 'semua dalam satu' Felda Jaya itu merangkumi bandar pintar yang dilengkapi pelbagai kemudahan, prasarana dan infrastruktur moden termasuk institusi kemahiran dan gedung ilmu, perumahan moden dan rumah-rumah banglo mampu milik kepada anak-anak peneroka, pusat rekreasi dan kompleks sukan, premis-premis perniagaan untuk warga Felda selain jalan raya baru dan moden.

## Pendapatan

Selain menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih makro dengan menarik pelabur luar melabur di kawasan berkenaan, usaha itu juga dapat mempertingkatkan pendapatan warga Felda di samping mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan baru kepada mereka.

Langkah itu juga dapat mengelakkan penghijrahan generasi muda anak-anak peneroka ke bandar-bandar seperti Kuala Lumpur untuk mencari pekerjaan.

Beberapa pemimpin generasi baru Felda Pahang yang mengalu-alukan kewujudan Felda Jaya itu mencadangkan agar agensi berkenaan turut melaksanakan konsep yang sama seperti Felda Jaya di rancangan-rancangan yang berada di Wilayah Felda di negeri ini.

Pengerusi Majlis Belia Felda Wilayah Mempaga, **Datuk Abdullah Abu Bakar**, 44,

berkata, tanah rancangan Felda yang berselerak di Pahang perlu dibangunkan seperti Felda Jaya yang dilengkapi dengan kemudahan dan prasarana moden.

Katanya, kejayaan agensi berkenaan membangunkan Felda Jaya Timur, Mempaga dengan mempelbagaikan kemudahan terancang akan memberi kekuatan dan hala tuju pembangunan seimbang serta adil kepada warga Felda.

"Beberapa kawasan baru Felda Pahang khususnya harus dipertimbangkan untuk pembangunan seperti Felda Jaya iaitu di Jengka, Gugusan Bera ataupun kawasan rancangan Felda di daerah Lipis," katanya.

Beliau yang juga Presiden Majlis Belia Felda Pahang berkata, Felda Jengka yang sinonim dengan kejayaan cemerlang kerajaan membangunkan kawasan rancangan di situ boleh dicontohi oleh masyarakat Felda lain.

Pengerusi Majlis Belia Felda Wilayah Jengka, **Abdul Rahman Basri**, 45, pula menyifatkan pembangunan Felda Jaya sebagai perancangan jitu Felda untuk membantu warganya menjadi anggota masyarakat yang produktif, bermaklumat dan maju.

Katanya, teras proses pembandaran di kawasan rancangan Felda melalui Felda Jaya dijangka memberi kesesuaian kepada generasi Felda untuk bersama-sama berusaha keras membawa kemajuan unggul dan bermaruah.

Tambah beliau, prospek pembangunan Felda Jaya yang berteraskan kepada pembangunan terancang dan menepati keper-

luan warga peneroka khususnya generasi muda Felda dapat memberi cabaran baru dalam tempoh 50 tahun akan datang.

Bagi Exco Majlis Belia Felda Pahang, **Tuah Abu**, 43, yang juga Pengerusi Persatuan Belia Felda Selancar, Rompin, pembinaan ratusan unit rumah moden di Felda Jaya untuk generasi kedua memberi sinar baru kepada generasi muda Felda.

"Kewujudan Felda Jaya Timur di Mempaga, Pahang secara langsung telah memberi kesedaran kepada warga peneroka bahawa kerajaan sentiasa berusaha memakmurkan rakyat," katanya.

Tambah Tuah, generasi muda Felda khususnya di Pahang amat berbangga dengan keprihatinan Timbalan Perdana Menteri dalam usaha untuk membantu generasi Felda lebih maju dan berwawasan.

Bendahari Majlis Belia Felda Wilayah Kuantan, **Mohd. Jais Mat Dawi**, 41, berpendapat Felda Jaya merupakan strategi kerajaan untuk mewujudkan sebuah masyarakat peneroka yang bermaruah, bersatu hati dan bersyukur.

Katanya, proses pembandaran yang bermula rancang di kawasan Felda Jaya akan mendorong kepada kemajuan total orang Melayu untuk berdaya saing dengan masyarakat lain yang terjebak di dalam bidang itu.

Pengerusi Majlis Belia Felda Bera, **Mat Jidi Yaakob**, 45, pula mahu individu yang terpilih mendiami rumah dan premis perniagaan di kawasan Felda Jaya agar memastikan aspek kebersihan diberi keutamaan.